

## **KERELEVANAN USLUB NABI SAW DALAM KOMUNIKASI MASYARAKAT MASA KINI**

Abu Dzar bin Ahmad<sup>1</sup>

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan merumus nilai-nilai uslub baginda berkomunikasi dengan para sahabat dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen setelah data dikumpulkan daripada kajian kepustakaan berbentuk analisis kandungan secara tematik dan deduktif. Kajian menemui beberapa tema uslub komunikasi di dalam hadith tersebut berdasarkan pelbagai pendekatan baginda berkomunikasi dengan para sahabat dengan gaya bahasa yang mendidik. Dapatan kajian mendapati bahawa inti pati uslub baginda dapat membina suasana keharmonian pelbagai peringkat bahkan mencorakkan pertuturan secara komprehensif. Implikasi kajian ini mendapati bahawa semua pihak bertanggungjawab malah menyedarkan masyarakat tentang Islam merupakan agama yang menekankan komunikasi. Oleh itu, menampilkan prinsip komunikasi yang mencontohi uslub baginda dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, berkualiti, beretika dan berintegriti dalam pertuturan.*

**Kata Kunci:** Uslub Nabi SAW, Prinsip Komunikasi Islam, Masyarakat

### **Pengenalan**

Kehebatan Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat amat wajar dicontohi semua pihak. Pelbagai elemen unggul baginda diterapkan dalam komunikasi menjadikan setiap tutur kata baginda berkesan dan memiliki mesej-mesej tertentu yang perlu diteladani. Realiti hari ini masyarakat umumnya gagal memanfaatkan contoh agung tersebut telah mengundang ketirisan komunikasi dalam institusi kemasyarakatan. Penggunaan kata-kata kesat, tengking-menengking melatari komunikasi masyarakat dan sekitarnya seperti kajian tingkah laku remaja Johor pada tahun 2000 menyatakan sebanyak 49.9% merupakan peratusan kebejatan sosial melibatkan sikap kurang ajar ketika berinteraksi dengan orang awam diperihkan lagi dengan masalah moral pertuturan dua hala merupakan bukti kegagalan ini. Hal ini dikukuhkan dengan perlakuan kes seorang pelajar dibelasah dengan pelajar senior kerana menegur kesalahan bising yang berlaku di asrama di Sekolah Menengah Bandar Penawar Kota Tinggi pada tahun 2012. Islam adalah agama komunikasi yang melibatkan pelbagai peringkat masyarakat dan mengaitkan realiti mereka seharian berinteraksi. Sebuah hadis diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib RA berkata, Nabi SAW bersabda:

لَا يُسْمَعُ بَعْدَ احْتِلَامٍ، وَلَا صُمَاتَ يَوْمٍ إِلَى اللَّيْلِ.

*Tidak dipanggil anak yatim setelah mengalami mimpi (mencapai usia baligh), dan tidak boleh berdiam seharian sehingga membawa ke malam.*

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

(Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab al-Wasaya, Bab ma ja': Mata yanqata' al-Yutm. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 2873)

Namun, ketirisan komunikasi dalam pergaulan masyarakat masa kini menular disebabkan beberapa punca persekitaran yang berlaku. Menurut Nooh Gadut (2013) sesebuah keluarga Islam yang menghadapi masalah ialah kelemahan ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak. Tambahan beliau, dua cabaran dari sudut dalaman dan luaran terpaksa dihadapi oleh keluarga. Antara masalah dalaman ialah kurangnya penekanan ibu bapa terhadap remaja tentang didikan agama, tiada peranan ibu bapa sebagai *role-model* dan kerenggangan hubungan yang tidak berinteraksi dengan anak-anak. Kesibukan yang melampau dengan aktiviti di luar rumah menyumbang ke arah cabaran ibu bapa berinteraksi anak-anak. Sebuah artikel daripada *Harakahdaily* bertarikh 2 Februari tahun 2016 ditulis oleh Muhammad Samil Misran menyatakan 80% kesibukan ibu bapa di luar rumah merupakan punca masalah gejala sosial dalam kalangan remaja disebabkan kedua belah pihak terlalu sibuk dengan pekerjaan masing-masing.

Umar al-Farmāwī (2008) menyimpulkan selain dosa anak-anak menderhakai ibu bapa, pihak keluarga juga boleh mendorong berlakunya anak-anak menderhakai mereka. Terdapat empat isu yang dibincangkan antaranya ialah kelemahan ibu bapa berkomunikasi dalam keluarga. Penggunaan kata-kata kasar melazimi pertuturan masyarakat disebabkan kegagalan keluarga membina komunikasi. Keadaan menjadi lebih parah dengan kewujudan ibu bapa memarahi, mencerca dan mengherdik anak-anak di hadapan orang yang mereka kenal. Hal ini dibuktikan, sebuah *Berita Harian* bertarikh 29 Mac 2014 menyatakan statistik kegiatan jenayah yang berlaku melibatkan pelajar sekolah menengah meningkat daripada 360 orang pelajar pada tahun 2012 kepada 540 orang pada tahun berikutnya. Justeru, kajian ini menggunakan metode analisis dokumen daripada disertasi tesis, artikel jurnal, kitab-kitab ilmiah, laman web yang berkaitan *uslub* baginda Nabi SAW secara deduktif dan tematik.

Komunikasi dalam institusi masyarakat yang mempamerkan kata-kata kesat wujud dan berlaku dalam keluarga, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Gejala tersebut mengundang kebejatan moral mereka bergaul dan dilatari secara negatif membikin sebahagian besar masyarakat muda terjebak dengan masalah sosial (Jalaluddin Rahmat, 1996). Oleh itu, pendekatan atau *uslub* baginda Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat merupakan bentuk komunikasi yang terbaik untuk diteladani dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat (Abu Dzar Ahmad, 2018). Perkembangan sosiologi masyarakat berkomunikasi hari ini telah menimbulkan pelbagai persoalan yang perlu diberi penjelasan berpandukan pendekatan atau *uslub* Nabi SAW di samping meneladani elemen dan contoh agung yang dianjurkan baginda selain menghurai penekanan *uslub* dalam al-Quran (Mafri Amir, 1999).

## **PRINSIP KOMUNIKASI ISLAM DAN PENGERTIAN USLUB**

Prinsip komunikasi dalam Islam wajar diukur melalui konteks percakapan, tiada unsur-unsur pertuturan yang mengotorkan lidah, intonasi suara mengikut situasi pendengar serta memanfaatkan setiap pertuturan dengan perkara yang berfaedah. Menurut al-Nihlawi (2010), perkembangan komunikasi yang harmoni sewajarnya melantunkan pertuturan yang menerapkan pendekatan, kefahaman, perbincangan dua hala dan perasaan dalam kalangan

penutur dan pendengar. Persekitaran yang menghakis keharmonian komunikasi menyulitkan lagi suasana interaksi masyarakat dalam pergaulan mereka sehingga menimbulkan unsur-unsur kedengaran tidak enak didengari sesama Muslim seperti mencarut, mencela dan mengutuk akibat kerapuhan memupuk didikan dalam institusi terbabit sehingga boleh mencetuskan ketegangan (A'dawiyah Ismail, 2011). Nabi SAW menegaskan dalam sebuah kenyataan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud RA:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَانِ، وَلَا اللَّعْنِ، وَلَا الْفَاحِشِ، وَلَا الْبَدِيءِ.

*Seseorang mukmin itu bukanlah seorang pemaki hamun, mengutuk, berkata keji dan mempunyai lidah yang kotor.*

(Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Birr wa al-Silah, Bab ma ja' fi al-La'nah. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 1977)

Penutur yang sering mempamerkan kata-kata tidak sopan sebenarnya boleh mengundang implikasi ke arah perlakuan negatif para pendengar secara tidak langsung dan kesan buruk yang berlaku disebabkan tutur kata yang tidak melambangkan prinsip sosial masyarakat yang integriti (Ad-Dien Abdul Kadir, 2016). Sebaliknya, konsep *al-Tarhib* dan *al-Tarhib* wajar diselitkan dalam pergaulan bagi mengurangkan risiko kebejatan moral komunikasi masyarakat yang mendorong mengikut hawa nafsu. Ahamad Asmadi Sakat et al (2012) menyatakan dua konsep itu mempunyai komperatif, konsep *al-Tarhib* menggalakkan manusia untuk bersikap positif manakala *al-Tarhib* pula, timbul suatu dorongan untuk menegah manusia dari melakukan kesilapan yang melanggar syarak.

Rentetan itu, dapat dirumuskan bahawa komunikasi seharian masyarakat Muslim perlu kepelbagaian elemen disemai dengan acuan nilai-nilai *uslub* baginda berkomunikasi sebagaimana Allah SWT lakarkan *uslub* dalam al-Qur'an seperti *qaulan kariman*, *qaulan sadidan*, *qaulan ma'rufa*, *qaulan baligha*, *qaulan layyina* dan *qaulan maisura* (Eka Sri Wahyuningsih, 2008). Menurut al-Nihlawi (2010), *uslub* merupakan istilah yang dikaitkan dengan pertuturan seperti galakan ke arah kebaikan, larangan ke arah keburukan, mendorong seseorang untuk menjadi matang, menerang sesuatu kepada seseorang, membangkitkan semangat seseorang bahkan memberi pengajaran.

Syed Abdurrahman Syed Hussin menukulkan pendapat Ali Jarisyah (1987) menyatakan bahawa *uslub* ialah suatu wasilah yang merangka bentuk pemahaman dan pengolahan bahasa disalurkan dalam percakapan. Keunikan pendekatan yang pelbagai diterapkan dalam pertuturan memudahkan sasaran memahami dan menerimanya dengan mudah.

Pendapat tersebut senada dengan Abd Aziz Mohd Zin (1999) menjelaskan *uslub* merupakan suatu pendekatan yang mengetengahkan cara penyampaian kandungan bagi meluaskan penghayatan dakwah yang dibina dengan ibarat tertentu kepada sasaran yang dituju.

Sa'id Ali al-Qahtani (1994) pula mentakrifkan *uslub* sebagai salah satu daripada cabang implementasi metode dakwah, iaitu memperluaskan pendekatan agama Islam kepada masyarakat. Hal ini dikenali juga sebagai suatu ilmu yang membolehkan individu

mengamalkan kaedah tersebut untuk berkomunikasi masyarakat selaku pendengar di samping memahami maksud yang ingin disampaikan. *Uslub* baginda berkomunikasi dengan sahabat amat wajar ditranformasikan dalam komunikasi setiap peringkat bagi membina generasi masyarakat yang berintegriti.

Oleh itu, Islam sebenarnya adalah agama yang amat menekankan perhubungan komunikasi semua peringkat manusia secara dua hala melibatkan penutur mahupun pendengar. Agama berperanan sebagai pendekatan yang membawa masyarakat ke arah kebaikan (Mastura Bohari, 2016). Pendekatan Kamus Dewan (2000) yang dimaksudkan itu ialah sesuatu yang membentuk permulaan langkah dan kaedah dalam melaksanakan tujuan agar dapat mengatasi sesebuah masalah dan mencapai matlamat masyarakat mendekati diri kepada Allah SWT. Pendekatan komunikasi dibina melibatkan dua atau lebih individu yang menyentuh perkara berkaitan soal jawab, tujuan, tajuk dan medan bertukar-tukar idea dan pandangan (Ad-Dien Abdul Kadir, 2016). Penghayatan komunikasi memberi peningkatan dalam percakapan dan kesannya dari sudut penambahbaikan diri dan masyarakat (al-Nihlawi, 2010).

### **ELEMEN USLUB NABI SAW BERKOMUNIKASI DENGAN SAHABAT**

Memasyarakatkan elemen penjagaan lidah dengan setiap tutur kata yang diungkap perlu merangkumi tatasusila seperti nasihat, semangat, dorongan, teguran dan lain-lain sebagai pendekatan berinteraksi antara satu sama lain. Oleh itu, elemen dalam komunikasi yang harus diketengahkan ialah elemen berdasarkan *uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan sahabat dalam harian. *Uslub* baginda Nabi SAW sebenarnya berkait dalam realiti perbualan masyarakat setiap hari dan lapisan yang terlibat dalam dua hala secara langsung (Ahmad Ghulusi, 1897). Beberapa kandungan dan isi *uslub* Nabi SAW dapat merumuskan kesan elemen yang dibina sebagai pendekatan sepanjang hayat dalam menjana kehidupan masyarakat madani (Abu Dzar Ahmad, 2018). Berikut merupakan tiga implikasi besar penerapan *uslub* Nabi SAW dalam komunikasi masyarakat:

#### **1. Membina Akhlak Pertuturan**

Pertuturan merupakan konsep yang memberi makna akhlak komunikasi seseorang dengan manusia lain. Akhlak yang murni ialah akhlak individu yang pandai menjaga tutur katanya di hadapan orang (Mafri Amir, 1999). Sebuah kenyataan hadith dari Abi Hurayrah RA berkata, Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

*Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka berkata-katalah dengan perkataan yang baik atau lebih baik dia diam sahaja.*

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Adab, Bab man kan yu'min billah wa al-youm al-Akhir fala yu'dhi jarah, no hadith 6018)

Justeru, komunikasi ialah perkara yang berkait rapat dengan urusan lidah manusia. Pertuturan yang sihat adalah penutur yang menjaga lidah mereka ketika berinteraksi dengan

orang lain. Terdapat beberapa ke gelinciran tutur kata yang tidak menepati adab Islam yang sebenar (al-Ghazali, 2003). Nabi SAW amat menganjurkan diam sekiranya tiada apa-apa perkara yang hendak diperkatakan. Komunikasi dengan acuan *uslub* baginda ini juga adalah pendekatan nabawi dalam membentuk kerangka individu menjadi masyarakat Muslim yang jitu dari sudut penampilannya (Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan, 2011).

Fikir sebelum bercakap ialah satu falsafah yang patut diamalkan kerana pertuturan manusia hakikatnya menzahirkan personaliti seseorang. Sebuah kenyataan hadith yang diriwayatkan oleh Abi Hurayrah RA berkata, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَّبِعُ مَا فِيهَا، يَرُلُّ بِهَا فِي النَّارِ أَوْ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ.

*Seorang hamba yang berkata-kata tanpa berfikir terlebih dahulu, menyebabkan hamba tersebut tergelincir ke dalam neraka yang mana jauhnya di antara timur dan barat.*

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Riqaq, Bab Hifz al-Lisan wa Qawl al-Nabi Salla Allah alayh: (Man kan yu'min bi Allah wa al-youm al-Akhir fal yaqul Khayran aw li Yasmut), no hadith 6478)

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) mengulas mengenai teks hadith tersebut dan menyatakan kesan percakapan seseorang juga sebenarnya melibatkan ganjaran pahala dan dosa.

## 2. Menerap Nasihat Bermanfaat

Islam merupakan agama yang sentiasa mengamalkan pendekatan komunikasi nasihat menasihati antara satu sama lain. Sebuah riwayat daripada Abi Ruqayah Tamim bin Aus al-Dari RA berkata, Nabi SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ، فُلْنَا لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ، وَلِكِتَابِهِ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِأَيِّمَّةِ الْمُسْلِمِينَ، وَعَامَّتِهِمْ.

*Agama itu merupakan agama nasihat, maka para sahabat bertanya: Untuk siapakah nasihat itu wahai Rasulullah?, Nabi SAW bersabda: Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk utusan-Nya, untuk para pemimpin sekalian Muslim dan masyarakat awamnya.*

(Muslim. 2008. *Sahih Muslim*, Kitab al-Hudud, Bab man Ightaraf 'ala Nafsih bi Zina, no hadith 55)

Menurut al-Khattabi dan selain beliau unsur-unsur nasihat ini meliputi keseluruhan sifat yang cenderung ke arah pembinaan iman seseorang. Tugas sebagai penutur ialah memberi galakan dan dorongan secara berterusan kepada pendengar. Nasihat sesama manusia itu perlu diperjelaskan matlamatnya kerana segala isi nasihat tersebut dapat menyempurnakan hak sesama insan (Ibn Daqiq al-Eid, 2008).

Nasihat merangkumi pelbagai elemen dan cara untuk menyedarkan orang. Nasihat bukan sekadar satu jalan untuk menyatakan sesuatu ketika berkomunikasi dengan seseorang bahkan lebih daripada itu (Ibn Daqiq al-Eid, 2008). Medan nasihat perlu beroperasi mengikut keperluan komunikasi bergantung fenomena individu (Onong Uchjana Effendi, 2000). Umumnya, masyarakat memerlukan nasihat dalam pergaulan harian sebagai panduan untuk mereka memanfaatkannya di kemudian hari.

### 3. Membentuk Sahsiah Diri

Sahsiah merupakan personaliti yang dibina berdasarkan akhlak seseorang menurut pandangan agama. Personaliti yang dibentuk ini diertikan dalam dua lorong utama iaitu lorong secara zahir mahupun batin (Muhammad Zakaria, 2017). Potensi dan integriti menjadi kayu ukur individu melestarikan elemen nilai-nilai dalam percakapan manusia seharian (Abu Dzar Ahmad, 2018). Oleh itu, Islam amat menekankan dua aspek penting komunikasi seorang Muslim iaitu aspek dalaman dan luaran bagi membina persekitaran yang baik dan seimbang bersesuaian dengan landskap pertuturan secara dinamik (Nor Saleha Mohd Salleh, 2012).

*Uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan sahabat membentuk personaliti masyarakat umumnya. Setiap generasi terkenal dengan pelbagai sikap menerusi tingkah laku dan pertuturan yang berbeza dari semasa ke semasa bergantung kepada pertumbuhan umur mereka (Shamsaadal Sholeh dan Abdullah Sulaiman, 2006). Justeru, pertuturan manusia wajar mempamerkan kupasan yang proaktif agar dapat menghalang gejala negatif menular dan mencemarkan imej dalam komunikasi (Aziyah Abu Bakar et al, 2011).

Metodologi pendekatan komunikasi yang diamalkan baginda sangat praktikal untuk diimplementasikan *uslub* dalam kehidupan seharian manusia (Muhammad Salih al-Munajjid, 2014). Pendekatan tersebut boleh menyumbang kepada integriti dalam pelbagai institusi masyarakat di samping membina percakapan Muslim yang konkrit. *Uslub* berkomunikasi dalam Islam menerangkan maksud yang dilontarkan individu kepada individu yang terlibat. *Uslub* berkomunikasi juga menjadi medan dakwah bagi masyarakat untuk mempengaruhi situasi pelbagai kelompok membentuk sosiobudaya pertuturan (Ahmad Ghulusi, 1987). Hal ini bertepatan dengan apa yang disarankan dalam sebuah riwayat daripada Abi Hurairah RA, berkata Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَنْعِنِيهِ.

*Di antara kebaikan Islam seseorang adalah meninggalkan hal yang tidak bermanfaat baginya.*

(al-Tirmidhi. 2000. *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Zuhd, Bab fiman Takallam bikalimah Yudhik biha al-Nas, no hadith 2317. Berkata al-Albani: Sahih)

Ibn Daqiq al-Eid (2008), merumuskan bahawa tutur kata juga dikira sebahagian amalan yang bakal dihisab kelak. Justeru, amalan yang bermanfaat seseorang yang dimaksudkan itu ialah mereka yang berkata jujur, menjalankan amanah dan meninggalkan perkara yang tidak mendatangkan apa-apa faedah dalam kehidupan individu mahupun masyarakat, iaitu perkara yang dianggap rugi pada kaca mata agama.

## **USLUB NABI SAW DAN KERELEVANANNYA MASA KINI**

Komunikasi seseorang boleh menimbulkan dua dimensi besar yaitu dimensi keakraban dengan orang yang baru kenal atau dimensi mengakibatkan perbalahan dengan orang yang paling hampir (Onong Uchjana Effendi, 2000). Oleh itu, banyak aspek telah dibincangkan para sarjana secara konklusi mengenai implikasi individu yang tidak mempraktikkan komunikasi melalui pendekatan nabawi. Lidah manusia yang tidak bertulang menjadikan segelintir mereka gemar menuturkan kata-kata mengikut nafsu dan kemahuan tanpa menghiraukan kesan yang bakal menghakis perhubungan sosial dalam masyarakat masa kini (al-Ghazali, 2003).

Menurut M. Abdul Quesam dan Kamil (1988) Sebahagian akibat yang mencemarkan konteks komunikasi yang dirakamkan ialah menuturkan tutur kata yang tidak sopan, berlebihan dalam pergaulan, menyelit unsur-unsur yang mengarut, menimbulkan pertelingkahan, memaki hamun ketika berbicara, mengutuk dan mengherdik sama ada secara bersemuka mahupun di alam maya yang semakin meruncing penularannya, gurauan yang melampau, memperkecilkan orang lain, membuka keaiban di hadapan orang dan mengamalkan anasir seperti mengumpat, gemar menipu dan *namimah*, iaitu menyebarkan api permusuhan dalam kalangan masyarakat. Sebuah riwayat yang dinukilkan oleh Abi Ayyub al-Ansari RA berkata, Nabi SAW berpesan dalam sabdanya:

لَا تَكَلِّمْ بِكَلَامٍ تَعْتَذِرُ مِنْهُ عَدَاً.

*Jangan kamu bercakap dengan perkataan yang esoknya kamu akan menyesal kelak.*

(Ibn Majah. 1997. *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Zuhd, Bab al-Hikmah, no hadith 3381. Berkata al-Albani: Hadith Hasan)

Oleh itu, *uslub* Nabi SAW melibatkan penutur dan pendengar menerapkan penyampaian berunsur mesej, membentuk prinsip etika dan keterampilan dalam percakapan. Bahkan menggambarkan identiti pertuturan seseorang. Islam menjustifikasikan nilai individu melalui percakapan dengan penggunaan bahasa yang baik dilatari setiap perbualan yang diucapkan (Mafri Amir, 1999). Komunikasi menggunakan *uslub* dalam tutur kata juga mempunyai pelbagai kaedah penyampaian yang berkesan dalam mendekati masyarakat ke arah pembinaan komunikasi berteraskan agama (Nor Saleha Mohd Salleh, 2012). Oleh demikian, lima contoh *uslub* baginda berkomunikasi dengan para sahabat wajar diteladani dalam perbualan seharian adalah seperti berikut:

### **1. *Uslub al-Madh* (Pendekatan Memuji)**

Sebuah kenyataan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar RA berkata:

رَأَيْتُ فِي الْمَنَامِ كَأَنَّ فِي يَدَيَّ سَرْقَةً مِنْ حَرِيرٍ لَا أَهْوِي بِهَا إِلَى مَكَانٍ فِي الْجَنَّةِ إِلَّا طَارَتْ بِي إِلَيْهِ، فَخَفَّصْتُهَا عَلَى خَفْصَةٍ، فَخَفَّصْتُهَا خَفْصَةً عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ أَخَاكَ رَجُلٌ صَالِحٌ، أَوْ قَالَ: عَبْدَ اللَّهِ رَجُلٌ صَالِحٌ.

*Aku telah bermimpi, tangan ku memegang sehelai sutera, seolah-olah ianya menjadi sayap bagi ku dan membawa ku ke mana sahaja tempat yang aku ingini di dalam syurga. Maka aku ceritakan kepada Hafsa, lantas Hafsa menceritakannya kepada baginda Nabi SAW. Lalu Nabi SAW bersabda: Bahawasanya saudara kamu itu seorang lelaki yang baik (soleh), atau sabdanya yang lain: Abdullah seorang lelaki soleh.*

(al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Ta'bir, Bab al-Istabraq wa dukhul al-Jannah fi al-Manam, no hadith 7015)

Realitinya, pendekatan memuji dalam percakapan dengan menyebut nama individu memberi kesan positif pada seseorang ketika proses komunikasi berlaku secara tidak langsung (Jalaluddin Rahmat, 2001). Justeru, keselesaan pendengar lebih cenderung ke arah bentuk perbincangan tanpa wujud unsur-unsur yang menekan dan memaksa. Konteks komunikasi dua hala dalam kalangan masyarakat wajar dipupuk pada peringkat awal dalam institusi masyarakat bermula dari institusi kekeluargaan (Saad al-Din Iman, 2006).

Demikian juga, ia boleh menghidupkan suasana *uslub* merendah diri apabila berlaku pujian orang terhadap pendengar ketika berkomunikasi. Sebuah kenyataan hadith daripada Abi Ya'la, berkata Muhammad bin al-Hanafiah: Aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW sesuatu: Siapakah manusia yang terbaik selepas baginda? Kata baginda: Abu Bakr. Aku bertanya lagi: Kemudian, siapakah selepasnya? Baginda menjawab: Abu Bakr. Aku bertanya lagi: Siapakah seterusnya? Baginda menjawab: 'Umar. Lantas, aku merasa bimbang tentang jawapan baginda mengenai 'Uthman. Lalu, aku bertanya: Kemudian, diri mu? Lalu, Nabi SAW bersabda:

مَا أَنَا إِلَّا رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

*Aku tiada apa-apa melainkan seorang lelaki biasa dari kalangan orang-orang Islam.*

(al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada'il Ashab al-Nabi Salla Allah alayh wa al-Salam, Bab Qawl al-Nabi Salla Allah alayh wa al-Salam: "Law Kunt Muttakhidhan Khalilan", no hadith 3671)

## 2. *Uslub al-Istirja'* (Pendekatan Menghadapi Musibah)

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zayd RA menceritakan: Satu ketika, anak perempuan Nabi SAW mengutuskan seorang utusan untuk memberitahu kepada baginda tentang keuzuran yang dialami oleh anak kepada Zaynab. Kemudian, baginda mengutuskan pesanan tersebut dan diserahkan kembali kepada utusan Zaynab bersaksikan dua orang



sahabat iaitu Sa'd bin Abi Waqas dan Ubay bin Ka'b RA dan baginda memulakan kalamnya dengan ucapan salam. Lantas, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أُعْطِيَ وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ مُسَمًّى فَلْتَحْتَسِبْ وَلْتَصْبِرْ.

*Maksudnya: Sesungguhnya kita ini adalah milik Allah, apa yang Allah beri atau Dia ambil adalah milik-Nya, dan semua perkara yang dicatat oleh Allah ada kesudahannya. Maka, harapkanlah ganjaran daripada Allah dan bersabarlah.*

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab 'Iyadah al-Sibyan, no hadith 5655)

Oleh itu, beberapa amalan yang dianjurkan sunnah seperti mempamerkan objektif *uslub istirja'* ialah:

- a) Menggalakkan orang melazimi zikrullah, bersedekah dan menyeru mereka menunaikan solat secara berjemaah. Hal ini disokong oleh Ibn Daqiq al-Eid (2008) yang menyatakan bahawa kenyataan seperti mengamalkan beberapa amalan tersebut boleh mengurangkan kegusaran dan bimbang yang membuak bahkan ketakutan yang melampaui batas syarak. Sebuah riwayat daripada A'isyah RA menceritakan: Ketika manusia merasa panik, takut dan bimbang dengan kejadian gerhana matahari (خسوف), baginda Nabi SAW bersabda:

فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا.

*Apabila kalian melihat peristiwa itu (kerana berasa cemas) maka berdoalah kepada Allah, laungkan lah laungan takbir, bersolat lah dan bersedekahlah.*

(al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Kusuf, Bab al-Sadaqah fi al-Kusuf, no hadith 1044)

- b) Menjelaskan dalam komunikasi tentang dosa yang dihapuskan Allah SWT apabila seseorang atau masyarakat dilanda musibah. Sebuah riwayat daripada Abi Sa'id al-Khudri dan Abi Hurayrah RA berkata, baginda Nabi SAW bersabda:

مَا يُصِيبُ الْمُؤْمِنُ مِنْ وَصَبٍ وَلَا نَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا غَمٍّ وَلَا أَدَى - حَتَّى الشُّوْكَهْ  
يُشَاكُهَا - إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

*Tidaklah menimpa orang mukmin itu berasa sakit (secara berterusan), berasa penat dan khuatir (dalam fikiran), berasa sedih dan hiba (kerana sesuatu yang*

menimpa), rasa kegelisahan hati atau sesuatu yang memedihkan sehingga duri menusuk diri melainkan dihapuskan dosa-dosanya.

(al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab *al-Marda*, Bab *ma ja' fi Kaffarah al-Marda*, no hadith 5641)

- c) Menggalakkan masyarakat yang ditimpa ujian sentiasa membasahi lidah dengan doa ketika mereka berhadapan dengan pelbagai musibah. Sebuah kenyataan hadith yang diriwayatkan oleh Abd Allah Ibn 'Abbas RA berkata: Rasulullah SAW akan membaca sekelumit doa di saat baginda tertekan, iaitu:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ،  
وَرَبُّ الْأَرْضِ، وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.

*Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Agung lagi Maha Lemah Lembut. Tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah, Tuhan kepada 'Arsy yang sangat Agung, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan kepada langit, bumi dan Tuhan kepada 'Arsy yang Agung.*

(al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab *al-Da'wat*, Bab *al-Du'a 'ind al-Karb*, no hadith 6346)

Manusia yang ditimpa musibah memerlukan sokongan moral dalam elemen pergaulan di antara satu sama lain seperti kata-kata perangsang dan mendampingi mereka. Malah, wajar menanam sifat redha dengan mengatakan bahawa semua yang berlaku merupakan ketentuan dan kehendak Ilahi. Komunikasi seperti ini wajar dibiasakan agar masyarakat tidak diselubungi ketakutan yang melampau sehingga boleh menimbulkan syirik kepada Allah SWT secara tidak langsung (al-Ghazali, 2003).

### 3. *Uslub al-Ighra' wa al-Dham (Pendekatan Memberi Cadangan dan Menyelar)*

Sebuah riwayat menceritakan sekumpulan Yahudi melalui kawasan rumah baginda sambil melaungkan kata-kata kesat ke arah baginda. Kemudian, isteri baginda, ummul mukminin Ai'syah RA membalasnya dengan perkataan yang kasar terhadap mereka, sementelah itu Rasulullah menegur isteri kesayangannya, sabda Nabi SAW:

مَهَلًا يَا عَائِشَةُ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرَّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ. فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْ لَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟  
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَقَدْ قُلْتُ: وَعَلَيْكُمْ.

*Sabar wahai Ai'syah, beringatlah, Allah sangat menyukai sifat manusia yang berhemah dalam segenap perbuatan. Maka, aku (Ai'syah) bertanya kepada baginda: Wahai Rasulullah, tidakkah engkau mendengar apa yang telah*

*mereka ungkapkan? Lantas, saranan baginda: Maka aku (baginda) berkata: Moga berbalik ke atas kalian.*

(Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Isti'dhan, Bab kayfa yurad 'ala Ahl al-Dhimmah al-Salam, no hadith 6256)

Oleh itu, saranan secara berhemah ini menghindarkan penyakit hati yang amat merbahaya iaitu bersangka buruk pada seseorang dan jika dibiarkan begitu akan berlaku pergelutan dan menimbulkan permusuhan. Perbuatan tersebut mengakibatkan kita sentiasa berasa sakit hati, hasad dengki dan tidak tenteram kerana bercanggah dengan akal yang waras (Ad-Dien Abdul Kadir, 2016).

#### **4. Uslub al-Takhyir wa al-Tahdhir (Pendekatan Mencadang buat Pilihan dan Berwaspada)**

Sebuah riwayat menukilkan kisah Fatimah binti Qays telah diceraikan oleh Abi 'Amr Ibn Hafs menggunakan utusan tanpa bersemuka dengannya. Fatimah merasa geram dan marah lalu mengambil keputusan untuk berjumpa dengan baginda lantas mengadu masalah yang dihadapi. Nabi SAW bertanya kepada Fatimah:

لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِ نَفَقَةٌ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تِلْكَ امْرَأَةٌ يَعْشَاهَا أَصْحَابِي، اعْتَدِي عِنْدَ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ فَإِنَّهُ رَجُلٌ أَعْمَى تَضَعِينَ ثِيَابَكَ فَإِذَا حَلَلْتَ فَأَذِينِي. فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَّا أَبُو جَهْمٍ فَلَا يَضَعُ عَصَاهُ عَنِّ عَاتِقِهِ وَأَمَّا مُعَاوِيَةُ فَصُعْلُوكٌ لَا مَالَهُ. انكِحِي أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ.

*Bukan kamu patut dapat nafkah daripada dia? Maka, baginda menyarankan Fatimah menyempurnakan 'iddahnya di rumah Ummu Syarik pada asalnya. Tambahan baginda Nabi SAW lagi: Ummu Syarik merupakan wanita yang rumahnya sering diziarahi, maka sempurnakanlah 'iddahmu di rumah Ibn Ummi Maktum kerana dia seorang yang buta dan kamu boleh membuka tudung kamu di rumahnya. Fatimah berkata: Bilamana habis tempoh 'iddahku nanti aku akan beritahu padanya (untuk melamarku), bahawa Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan Abu Jahm ingin meminang ku. Lalu, Nabi SAW berkata kepada Fatimah: Adapun Abu Jahm adalah seorang yang panas baran manakala Mu'awiyah pula miskin dan tidak mempunyai harta, saranan ku, kau nikah lah dengan Usamah Ibn Zayd. Lalu aku menikahinya dan Allah SWT menjadikan pernikahan kami dengan penuh bahagia.*

(Muslim. 2007. *Sahih Muslim*, Kitab al-Talaq, Bab al-Mutallaqah thalatha la nafaqah laha, no hadith 1480)

Pendekatan memberi cadangan untuk membuat pilihan yang terbaik seperti pendekatan ini wajar diketengahkan kaedahnya agar maksud yang hendak disampaikan menjimatkan masa dan tenaga untuk menyampaikan maksud dengan cara yang paling mudah. Pendekatan

sedemikian perlu bijak dalam menanganinya mengikut keadaan tertentu tanpa mengeruhkan suasana pergaulan (Muhammad Salih al-Munajjid, 2014).

### 5. *Uslub al-Su'al* (Pendekatan Menyoal dan Menjawab Persoalan)

Sebuah riwayat daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA menceritakan: Aku pernah bertanya kepada nabi satu soalan:

أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الصَّلَاةُ عَلَى وَفْتِهَا. فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ. فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

*Manakah amalan yang paling disukai Allah? Maka, Nabi SAW bersabda: Menunaikan solat di awal waktu. Aku bertanya lagi: Kemudian, apakah amalan selepas itu? Nabi SAW bersabda: Kemudian, patuh kepada ibu bapa. Aku bertanya lagi: Kemudian, amalan apakah seterusnya? Nabi SAW bersabda: Berjuang di jalan Allah.*

(Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Mawaqit al-Salah, Bab fadl al-Salah li Waqtiha, no hadith 527)

Pendekatan setiap pertanyaan memerlukan jawapan yang bernas dan mengikut senario penyual termasuk mengajukan sebarang pertanyaan. Hal ini kerana, setiap orang yang bertanya tidak sama akal berdasarkan peringkat umur. Justeru, apabila pertanyaan yang diajukan, mereka memerlukan pendekatan sebuah jawapan. Yusuf al-Qaradawi (1998) menyebut, setiap jawapan pada satu soalan sepatutnya berbeza dan satu soalan yang ditanya sebenarnya membezakan keadaan dan situasi mereka yang bertanya.

### KESIMPULAN

Membina prinsip komunikasi berteraskan Islam dalam masyarakat berdasarkan *uslub* Nabi SAW dapat melahirkan generasi dinamik dan berkualiti. Malah dapat mengurangkan risiko masalah moral komunikasi yang sedia ada berlaku berpunca masyarakat tidak cakna dengan isu komunikasi sama ada di dalam ataupun di luar rumah. Oleh itu, pihak keluarga khususnya ibu bapa wajar memanfaatkan komunikasi dengan anak-anak menggunakan pendekatan *uslub* baginda Nabi SAW di samping menyemai nilai dan akhlak Islam secara tidak langsung (Saad al-Din Iman, 2006). Perihal tersebut dipersetujui Galvin dan Brommel (1986) yang menyimpulkan cara membina komunikasi masyarakat sepatutnya bermula di peringkat awal dalam institusi keluarga kerana komuniti yang dimaksudkan itu saling kenal mengenal dan berhubungan antara satu sama lain sepanjang hayat dan impak yang berpanjangan. Oleh itu, khazanah yang ditinggalkan oleh baginda Nabi SAW sewajarnya dimanfaatkan sepanjang zaman sebagai panduan kepada masyarakat merangkumi segala aspek berinteraksi dalam kehidupan. Tambahan pula, kandungan *uslub* dalam hadis meluas dan menjurus ke arah kemaslahatan manusia dalam membentuk pergaulan berlandaskan etika Islam sebenar. Keunggulan *uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan sahabat amat wajar diteladani

sepanjang kehidupan. Bahkan menjadikannya sebuah pertuturan harian yang memandu masyarakat ke arah pembinaan keperibadian Muslim yang matang dalam pergaulan menelusuri inti pati hadis yang sarat dengan *uslub* yang menjana adab dan akhlak.

### PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Editorial Jurnal al-Sirat, KUIPSAS kerana memuatkan artikel saya. Saya menghargai usaha mereka dan berharap dapat terus menyumbangkan lagi artikel pada masa akan datang.

### RUJUKAN

- Abd Aziz bin Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*, 75-76. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastany. (1998). *Sahih Sunan Abu Dawud*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Abu Dzar Ahmad. (2018). *Pembinaan Kualiti Komunikasi Remaja Berdasarkan Uslub Nabi SAW Berkomunikasi Dengan Sahabat*. Bangi: Disertasi Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- A'dawiyah Ismail. (2011). *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Al-Hikmah, Vol 3, 121-144. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ad-Dien Abdul Kadir. (2016). *Motivasi daripada Hadith Nabi*. Batu Caves: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. Ali Jarisyah. (1987). *Manahij al-Da'wah wa Asalibuh*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Ahamad Asmadi Sakat, M.Z. Mohd Zain, Ahmad Faisal Mahdi, Mohd Roslan Mohd Nor, N. Azlina Ahmad, Mohd Arif Nazri, Muhd Najib Abdul Kadir, Nurfarhah Zainan Nazri dan Azri Bhari. (2012). *Comparison Of Western Motivation Theories with Islamic Method*, Journal of Applied Sciences Research 8 (7). 3249-3252.
- Ali Jarisyah. (1987). *Manahij Al-Dakwah Wa Asalibuh*. Kaherah: Dar al-wafa'.
- Aziyah Abu Bakar, Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Hasniza Che Noh & Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2011). *Hubungan Komunikasi Keluarga Dalam Menangani Konflik Dalam Kalangan Remaja*, vol. 13, no. 1. Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Media Malaysia.
- Brommel, Benard J & Galvin, Kathleen M. (1986). *Family Communication, Cohesion and Change*. USA: Foresman & Company.
- Al-Bukhari. (2004). *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Eka Sri Wahyuningsih. (2008). *Pengaruh Komunikasi Keluarga Terhadap Kenakalan Remaja (Studi Kasus di Kelurahan Tamansari, Kerjo, Karanganyar)*. Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Agama Islam, Jurusan Pendidikan Agama Islam (Tarbiyah), Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.
- Al-Farmawi, Umar Mohamed Abdul Mun'im. (2008). *Al-Kabair wa atharuha 'ala al-Fard wa al-Mujtama' fi Daw' al-Sunnah al-Nabawiah*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2003). Edisi Terjemahan: *Panduan Mengawal Lisan Kenali Bahaya dan Kegelicirannya*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ghulusi, Ahmad. (1987). *Al-Da'wah al-Islamiah*, 9. Kaherah: Dar al-Kijab.
- Ibn Daqiq al-Eid. (2008). *Syarh al-Arba'in al-Nawawiah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nawawiah*, 81. Bayrut: Dar Ibnu Hazm.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penilai: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan Ibn Abd al-Aziz al-Sa'ud.
- Ibn Majah, Abu Abd Allah, Muhammad bin Yazid bin al-Qazwini. (1997). *Sahih Sunan Ibn Majah*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Jalaluddin Rahmat. (1996). *Etika Komunikasi Perspektif Religi*. Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Jalaluddin Rahmat. (2001). *Psikologi Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Kamus Dewan. (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- M. Abdul Quasem dan Kamil. (1988). *Etika Al-Ghazali: Etika Majemuk Di Dalam Islam*, 122. Bandung: Pustaka.
- Mafri Amir. (1999). *Etika Komunikasi Massa dalam Pandangan Islam*, 85. Jakarta: Logos.
- Mastura Bohari. (2016). *Pendekatan Menangani Masalah Disiplin Pelajar Melalui Surah Yusuf*. Bangi: Disertasi Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan. (2011). *Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati*. Jurnal Hadis (Edisi Tahun Akhir), 2, 2011M/1433H, 31-45. Bangi: Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad Zakaria. (2017). Kolumnis *Majalah Solusi Panduan Hidup Bersyariat*, 102, 84-85. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Al-Munajjid, Muhammad Salih. (2014). *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismam. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.
- Muslim, Abu al-Husyan Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. (2008). *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.
- Al-Nihlawi, Abd al-Rahman. (2010). *Usul al-Tarbiyah al-Islamiah wa Asalibiha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Nor Saleha Mohd Saleh. (7 Ogos 2012). Artikel bebas Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka: *Komunikasi Pendekatan Islam*. Melaka: Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.
- Onong Uchjana Effendi. (2000). *Dinamika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Saad al-Din, Imam Abdul Mu'min. (2006). *Meneladani Akhlak Nabi*. Terj: Dadang Sobar Ali. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Sa'id bin Ali al-Qahtani. (1994). *Dakwah Islam Dakwah Bijak*. Jakarta: Gema Insani Press.

- Shamsaadal Sholeh dan Abdullah Sulaiman. (2006). *Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya*. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussin Onn.
- Al-Tirmidhi. (2000). *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa'udi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abd Allah. (1998). *al-Sunnah Masdaran li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Qahirah: Dar al-Syuruq.